

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.  
NASIR [ JOHOR BAHRU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:

- (a) Bilangan pelajar yang memilih untuk menangguhkan pengajian di luar negara bagi menyambung pengajian akibat kekangan wabak COVID-19; dan
- (b) Keperluan untuk memberikan penempatan semula mahasiswa yang tidak dapat meneruskan pengajian di luar negara ke institusi pengajian dalam negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Penularan wabak jangkitan COVID-19 yang sedang berlaku di hampir seluruh dunia telah menjadi isu dan cabaran utama kepada bukan sahaja Kerajaan Malaysia, tetapi juga seluruh masyarakat dunia. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin dengan keadaan para pelajar Malaysia di luar negara dan sentiasa memantau keadaan pelajar dari semasa ke semasa melalui pejabat Education Malaysia Luar Negara.

Pihak KPT amat menitikberatkan isu kebajikan pelajar-pelajar Malaysia di Luar Negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 ini. Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif telah diambil bagi memastikan pengajian pelajar-pelajar ini adalah tidak terjejas. Antara inisiatif yang diambil adalah pengurusan permohonan pemindahan kredit pelajar Malaysia di Luar Negara untuk menyambung pengajian di dalam negara. Sehingga kini, pihak KPT telah menerima sebanyak 708 permohonan daripada pelajar-pelajar Malaysia di Luar Negara untuk menyambung pengajian mereka ke dalam negara sejak September yang lalu. Antara bidang pengajian yang terlibat ialah perubatan, pergigian, veterinar, dan juga bidang-bidang berkaitan pengajian Islam. Sesi libat urus telah diadakan dengan pihak Universiti Awam (UA) dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi memastikan proses pemindahan kredit ini berjalan dengan lancar. Semua permohonan ini seterusnya telah dipanjangkan kepada IPT masing-masing untuk proses kelulusan Senat.

Pelajar-pelajar Malaysia juga dari semasa ke semasa juga sentiasa berhubung dengan pejabat Education Malaysia Luar Negara bagi mendapatkan khidmat kaunseling dan konsultasi berkaitan dengan hal-hal pengajian dalam tempoh penularan pandemik ini.

Sekian, terima kasih.